

## PERCANTUMAN BENIH UNTUK MENDAPATKAN ZURIAT



ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008  
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21

### PERCANTUMAN BENIH UNTUK MENDAPATKAN ZURIAT

Menurut seksyen 21 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*], Jawatankuasa Fatwa dan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

#### JADUAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 4 April 2021, telah membincangkan perkara berkenaan dengan percantuman benih untuk mendapatkan zuriat dan telah memutuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah adalah seperti yang berikut:

1. Hukum mengambil dan mencantumkan benih suami dan benih isteri dalam tempoh perkahwinan yang sah adalah **harus**.
2. Hukum mengambil benih mana-mana lelaki dengan mana-mana benih perempuan yang dikeluarkan sebelum akad nikah kedua-duanya dan kemudiannya dibuat percantuman dalam tempoh perkahwinan kedua-duanya yang sah adalah **haram**.
3. Hukum memasukkan benih suami yang telah dicantum dengan benih isteri ke dalam rahim isterinya yang lain atau mana-mana perempuan yang halal dikahwini baginya melalui khidmat ibu tumpang adalah haram.

4. Hukum memasukkan benih suami yang telah dicantum dengan benih isteri ke dalam rahim isteri itu selepas perceraian yang telah tamat tempoh iddah dan tanpa rujuk adalah haram.
5. Hukum mencantumkan benih suami dan benih isteri dan dimasukkan ke dalam rahim isteri itu selepas kematian suami adalah haram.

*[(78)dIm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(5)]*

*Tarikh Warta : 20 Januari 2022*

*Tarikh Keputusan : 4 April 2021*